

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan setakat manakah komitmen Kerajaan dan kemajuan yang dicapai oleh negara kita di dalam penggunaan teknologi "*rubberised pavement*" yang menggunakan getah sebagai sumber asas dalam pembinaan jalan raya dan juga teknologi minyak biodiesel bagi memperkukuhkan penggunaan minyak sawit sebagai sumber tenaga yang mana jika diusahakan kedua-dua inisiatif ini akan meningkatkan industri hiliran komoditi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun 2019 bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah daripada *cuplump modified bitumen* (CMB). Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dipantau oleh pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang melibatkan 202.68 kilometer jalan dengan anggaran penggunaan getah sebanyak 450 hingga 500 matrik tan di seluruh Malaysia. Oleh demikian, projek ini dapat meningkatkan penggunaan getah domestik dan memberi impak kepada harga getah dengan mengurangkan stok antarabangsa dalam jangka masa panjang.

SOALAN NO.: 21

Untuk makluman, projek turapan jalan berasaskan CMB ini telah bermula pada 20 September 2019 dan dijangka siap pada 23 Januari 2020. Manakala kerja-kerja *preliminary, mix design, plant trial*, dan *trial lay* telah bermula pada 26 Ogos 2019 dan dijangka berakhir pada 21 Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Cetusan idea penyelidikan biodiesel berasaskan sawit telah diterajui oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan pelaksanaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan program biodiesel sawit bermula pada skala makmal. Teknologi pengeluaran biodiesel sawit yang dibangunkan oleh MPOB ini telah berjaya dikomersialkan dan sehingga kini terdapat sembilan buah loji biodiesel sawit bergred normal termasuk di Korea Selatan, Thailand dan Colombia. Di samping pengkomersialan teknologi untuk biodiesel gred normal, MPOB juga berjaya mengkomersialkan teknologi biodiesel sawit bergred musim sejuk. Sehingga kini, terdapat tiga buah loji biodiesel sawit bergred musim sejuk telah dibina di Malaysia.

Selain itu, Kementerian juga telah berjaya melaksanakan program B10 secara mandatori bagi sektor pengangkutan bermula Februari 2019 dan program B7 bagi sektor industri mulai Julai 2019. Usaha Kementerian untuk membangunkan penggunaan biodiesel sawit telah meningkatkan lagi penggunaan domestik minyak sawit sebanyak 400,000 tan setahun. Pencapaian ini menunjukkan program biodiesel mampu mengurangkan stok minyak sawit yang tinggi seterusnya meningkatkan industri hiliran komoditi negara.

Sekian terima kasih.